



"IMAM NAWAWI"

(22 November 2019/ 25 Rabiulawwal 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ! الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Wahai hamba-hamba Allah! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan sidang jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah SWT di dunia dan juga di akhirat. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk : **"Imam Nawawi"**.

Allah jadikan manusia sebagai khalifah-Nya di bumi. Untuk memainkan peranan yang berkesan sebagai khalifah Allah, manusia memerlukan kepada ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang kehidupan. Justeru, umat Islam perlu sentiasa dimotivasikan ke arah cinta kepada segala ilmu.

Sehubungan itu, khutbah hari ini ingin menceritakan kisah seorang tokoh ilmuan Islam. Semoga dapat menggalakkan, mendorong dan mencetus semangat ke arah mencintai ilmu semaksimum yang termampu. Tokoh yang di maksudkan adalah Yahya bin Sharaf bin Hasan bin Husain An-Nawawi ad-Dimashqi atau lebih terkenal dengan gelaran Imam Nawawi Rahimahullah.

Firman Allah dalam surah al-Mujadilah ayat 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: "... Allah akan meninggikan orang yang beriman di antaramu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Imam Nawawi mula belajar ilmu agama agak lewat iaitu ketika usianya 19 tahun, tetapi semangatnya tidak pernah luntur untuk mendalami ilmu agama.

Beliau menghabiskan masa hidupnya untuk belajar, mengarang kitab, menuntut ilmu dan beribadat di tengah malam. Setiap detik umurnya digunakan untuk menuntut ilmu sehingga beliau tidak berkahwin. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang *zuhud* kepada dunia kerana hanya makan sekali selepas isyak dan minum di waktu dinihari kerana sifatnya yang sangat meminati dan gemar kepada ilmu. Justeru tidak pelik, dalam jangka masa 6 tahun sahaja Imam Nawawi sudah menguasai pelbagai disiplin ilmu. Pujangga arab pernah menyebutkan:

" أَطْلُبُوا الْعِلْمَ مِنَ الْمَهْدِ إِلَى اللَّحْدِ "

Maksudnya: *"Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad"*.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

"Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Itulah pepatah melayu yang dapat kita berikan kepada Imam Nawawi iaitu seorang ulama yang terkenal dalam mazhab Syafie. Nilai seorang ulama adalah peninggalan karya-karyanya. Beliau mengabadikan namanya dalam karya-karya ilmiah yang sangat terkenal sehingga menjadi

rujukan di setiap pelosok dunia. Jumlah kitab yang dikarangnya sekitar Empat Puluh buah kitab, antaranya:

Pertama: Dalam bidang hadis: *Hadis 40, Riyadus Salihin, Al-Minhaj (Syarah Shahih Muslim).*

Kedua: Dalam bidang fiqh: *Minhajut Thalibin, Raudhatut Thalibin, Al-Majmuk.*

Ketiga: Dalam bidang bahasa: *Tahzibul Asma' wal Lughah.*

Keempat: Dalam bidang akhlak: *At-Tibyan fi Adab Hamalatil Quran, Bustanul Arifin, Al-Azkar.*

Memetik kata-kata Imam Nawawi Rahimahullah: ***“Niat adalah ukuran dalam menilai benarnya suatu perbuatan. Oleh itu, ketika niatnya benar, maka perbuatan itu benar dan jika niatnya buruk maka perbuatan itu buruk”.***

Ia bertepatan sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ

Maksudnya: *“Setiap amalan bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan”.*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Suka khatib memetik beberapa perilaku Imam al-Nawawi Rahimahullah. Dikatakan apabila beliau tidak lagi mampu untuk menahan dirinya daripada rasa mengantuk, dia akan menyandar kepada kitab sebentar dan kemudian terbangun lalu meneruskan kerjanya.

Imam an-Nawawi juga banyak membaca al-Quran dan berzikir kepada Allah. Beliau juga banyak bangun pada waktu malam untuk beribadat dan menulis. Solehnya beliau sehingga tidak akan makan harta atau makanan dari sumber yang tidak pasti. Beliau juga tidak menerima sesuatu daripada seorang pun meskipun daripada hak-haknya sendiri. Sepanjang hidupnya, beliau banyak terjaga daripada tidur dan selalu tekun dalam menuntut ilmu dan amal.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, ayuhlah kita menjadi masyarakat yang berilmu dan beramal soleh sebagaimana yang ditunjukkan oleh Imam Nawawi. Walau hanya hidup selama 43 tahun, hasil tekun dan usaha sepanjang umurnya yang singkat, dapat kita kecapai manfaatnya hingga ke hari ini.

Dalam masa yang sama, peliharalah diri kita dan keluarga supaya tidak terjerumus ke dalam api neraka. Sebagaimana peringatan daripada Allah dalam surah at-Tahrim ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ
غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٦

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

(Bulan November 2019)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan

akhirat. Caranya ialah dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf**.

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ۝٩٢

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonsepkan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakili kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Institusi masjid juga dapat berperanan memperkasakan ibadah waqaf ini dengan menyumbangkan misalnya 10% hasil dari kutipan Jumaat kepada pihak Majlis Agama Islam pada setiap bulan. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:
صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”.
(Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada nabi (Muhammad SAW) wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .
اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا التَّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كباوه دولي يغب مها موليا
سري فادوك باكيندا يغب دفتوان اكوغ ك-انم بلس، االسُلطان عبُد الله رعاية الدين
المُصطفى بالله شاه ابن المرخوم سلطان حاج أحمد شاه المُستعين بالله، وكذلك
مولانا توان يغب تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج
عباس يغب دفتوا نكري فولاو فينغ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَيَّ
نَعْمَهُ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .